KESTREL SECURITIES SDN BHD

lwn.

FOO KOK MENG

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ZULKEFLI AHMAD MAKINUDIN H
[GUAMAN NO: D3-22-385-1998]
14 DISEMBER 2002

SEKURITI: *Saham - Jualbeli - Perjanjian kemudahan dagangan margin saham - Pengurangan ekuiti dalam akaun margin - Sama ada perjanjian teringkar - Jualpaksa saham - Sama ada terdapat tuntutan sah untuk baki hutang - Penghakiman terus - Sama ada patut dibenarkan*

Defendan telah memasuki suatu perjanjian kemudahan dagangan margin dengan plaintif untuk membeli saham di Bursa Saham Kuala Lumpur ('BSKL') di mana defendan diberi kemudahan dagangan margin sebanyak RM2 juta yang kemudiannya dinaikkan ke RM4.5 juta. Plaintif mengadu bahawa defendan telah memungkiri perjanjian ini apabila dia menyebabkan ekuiti dalam akaun marginnya jatuh bawah had 150% daripada baki tertunggak. Seterusnya, ini menyebabkan plaintif menjualpaksa saham defendan. Plaintif menghujah bahawa defendan masih berhutang lebih dari RM3 juta dengannya ekoran dari arahan defendan kepada plaintif untuk membeli saham berkenaan. Seorang bernama Ch'ng Ping Teong telah membayar RM113,000 kepada plaintif untuk mengurangkan hutang defendan. Apabila permintaan untuk baki hutang yang dibuat kepada defendan tidak dijawab, plaintif berjaya dalam permohonannya di hadapan penolong kanan pendaftar untuk mendapatkan satu penghakiman terus untuk mendapatkan semula hutangnya. Ini merupakan rayuan defendan kepada hakim dalam kamar berkenaan keputusan penolong kanan pendaftar.

Diputuskan:

[1] Plaintif telah membuat segala urusniaga di BSKL yang melibatkan defendan dan Ch'ng di bawah perjanjian kemudahan dagangan margin dan berdasarkan suatu surat kebenaran yang telah diberi oleh defendan sendiri kepada plaintif. (ms 688 f)

[2] Plaintif berhak menguatkuasakan haknya atas representasi yang dibuat oleh Ch'ng kerana beliau merupakan penjamin kepada perjanjian kemudahan dagangan margin defendan. (ms 688 f-g)

[3] Berkenaan dengan isu kenaikkan faedah, didapati bahawa plaintif telah memberi notis yang sewajarnya kepada defendan. Pihak defendan telah juga diberi semua notis variasi faedah yang perlu seperti yang diperuntukkan di bawah kl. 6 surat tawaran plaintif. (ms 688 h)

[4] Mengenai isu penamatan kemudahan margin defendan, didapati bahawa di bawah peruntukkan ss. 4 dan 5 plaintif mempunyai budibicara untuk melanjutkan kemudahan margin tersebut dan caj pusingan. (ms 689 a)

[5] Plaintif telah mengemukakan bukti bahawa cek RM113,000 yang diberi oleh Ch'ng kepada mereka sememangnya untuk mengurangkan hutang defendan dengan mereka. (ms 689 a)

[6] Penafian defendan yang dia tidak pernah berurusan dengan BSKL merupakan suatu penafian kosong semata-mata. Ini adalah kerana defendan hanya mengemukakan bantahan ini selepas plaintif memfailkan tindakannya. Defendan sepatutnya mengemukakan bantahan kepada plaintif apabila dia menerima notis tuntutan dari mereka. (ms 689 b-c)

[Rayuan defendan ditolak dengan kos; permohonan plaintif untuk penghakiman terus dibenarkan.]

Bagi pihak plaintif - Ravin Woodhull; T/n A Zahari & Rakan-rakan
Bagi pihak defendan - Arham Rahimy; T/n Kumar Jaspal Quah & Aishah

[Defendan telah membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan melalui Rayuan Sivil No: W-02-907-2002]

Dilaporkan oleh M Maheswaran

PENGHAKIMAN

Zulkefli Ahmad Makinudin H:

Ini adalah suatu notis rayuan kepada hakim dalam kamar ('Lampiran 37') oleh defendan terhadap keputusan penolong kanan pendaftar yang diberi pada 6 Jun 2000 di mana permohonan plaintif untuk penghakiman terus dibenarkan dengan kos (Lampiran 6). Berikut adalah di antara fakta-fakta dan alasan-alasan pihak plaintif dalam menyokong permohonannya:

(1) Defendan adalah berhutang dengan plaintif sejumlah RM3,085,119.77 bersama-sama faedah ke atas jumlah tersebut pada kadar 18% setahun dari 23-1-1998 yang mana hutang itu masih berterusan. Jumlah ini adalah bagi jumlah pembelian saham-saham yang dibuat oleh plaintif bagi pihak defendan di Bursa Saham Kuala Lumpur ('BSKL').

(2) Atas permohonan defendan melalui borang permohonan saham margin bertarikh 20 Mei 1997, plaintif setuju untuk berikan defendan kemudahan dagangan margin bagi had sebanyak RM2 juta atas terma-terma dan syarat-syarat di dalam permohonan saham margin dan di dalam perjanjian kemudahan dagangan margin. (Rujuk Lampiran 5 eks. SNR1).

(3) Defendan kemudian minta agar kemudahan dagangan margin dinaikkan kepada RM4.5 juta. (Rujuk Lampiran 5 eks. SNR2). Plaintif telah tunaikan permohonan defendan.

(4) Defendan telah mungkiri perjanjian kemudahan margin tersebut kerana telah menyebabkan ekuiti di dalam akaun margin beliau jatuh bawah had 150% daripada baki tertunggak.

(5) Tuntutan telah dibuat oleh plaintif tetapi defendan telah gagal untuk pastikan ekuiti tetap berada di tahap 150% daripada akaun margin dan gagal untuk bayar kekurangan samada dengan skrip atau wang tunai. (Rujuk Lampiran 5 eks. SNR4).

(6) Plaintif kemudian telah menjual secara paksa saham-saham yang dipegang di bawah akaun margin defendan bagi jumlah RM1,187,859.14. (Rujuk Lampiran 5 eks. SNR5).

(7) Pada 24 Februari 1998 plaintif telah tamatkan kemudahan dagangan margin serta-merta.

(8) Pada 5 September 1997 plaintif telah terima satu cek BBMB Bhd untuk jumlah sebanyak RM113,000 dari seorang bernama Ch'ng Ping Teong sebagai kurangkan hutang defendan dengan plaintif. Plaintif telah kreditkan akaun defendan dengan jumlah itu dan telah beri resit pada defendan. (Rujuk Lampiran 5 eks. SNR5 dan Lampiran 29A eks. A).

Defendan dalam menentang permohonan plaintif telah mengemukakan antara lain alasan-alasan seperti berikut:

(1) Defendan tidak pernah buat pesanan kepada plaintif untuk berurusniaga di BSKL.

(2) Plaintif telah ambil masa satu bulan dari tarikh notis iaitu 19 Disember 1997 untuk jual secara paksa saham-saham tersebut iaitu pada Januari 1998.

(3) Defendan mendakwa plaintif telah menghantar surat-surat yang berkenaan kepada dan terima arahan dari seorang bernama Ch'ng Ping Teong dan defendan tidak pernah beri arahan pada orang ini untuk berurusan berkenaan dengan akaunnya.

(4) Perbuatan dan tingkahlaku plaintif telah akibatkan kerugian pada defendan dan defendan kini telah failkan tuntutan balas terhadap plaintif.

(5) Mengikut kl. 20 Perjanjian (Lampiran 5 eks. SNR1) kemudahan ini hanya untuk tiga bulan dari tarikh perjanjian iaitu akan tamat pada 25 Ogos 1997. Persoalannya mengapa perjanjian ditamatkan pada 25 Februari 1998.

(6) Defendan mendakwa jika plaintif tamatkan kemudahan pada Ogos 1997 dan paksa jual saham-saham tersebut ianya adalah mencukupi untuk selesaikan akaun defendan.

(7) Plaintif gagal beri butir-butir mengenai faedah yang dikenakan dan defendan tidak pernah diberitahu mengenai kenaikan kadar faedah.

(8) Defendan juga menafikan pembayaran mengenai cek RM113,000 dari Ch'ng Ping Teong kepada plaintif adalah untuk kurangkan hutang defendan.

Keputusan Mahkamah

Setelah mengkaji affidavit-affidavit yang difailkan oleh pihak plaintif dan pihak defendan dan setelah mengkaji hujah-hujah peguam plaintif dan peguam defendan, saya menolak dengan kos rayuan defendan. Saya dengan ini mengekalkan keputusan penolong kanan pendaftar yang membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan suatu penghakiman terus tuntutannya terhadap defendan.

Berikut adalah alasan-alasan saya menolak rayuan defendan:

Saya mendapati segala urusniaga di BSKL adalah di bawah perjanjian kemudahan dagangan margin tersebut dan ianya dilakukan oleh plaintif bagi pihak defendan dan seorang bernama Ch'ng Ping Teong berdasarkan suatu surat kebenaran yang diberi oleh defendan sendiri pada plaintif. (Rujuk Lampiran 13 eks. SNR9). Dalam halperkara ini saya berpendapat defendan mempunyai pengetahuan akan kewujudan orang yang bernama Ch'ng Ping Teong ini kerana beliau juga merupakan penjamin kepada perjanjian kemudahan dagangan margin defendan. (Rujuk Lampiran 13 eks. SNR10). Jika defendan menafikan kewujudan Ch'ng Ping Teong bebannya adalah di atas defendan yang perlu buktikan bahawa Ch'ng Ping Teong bukanlah orang yang diberi kuasa untuk berurusan bagi pihaknya. Plaintif berhak menguatkuasakan haknya atas representasi oleh Ch'ng Ping Teong.

Mengenai kenaikan faedah yang dikenakan plaintif telah beri notis sewajarnya pada defendan. (Rujuk Lampiran 13 eks. SNR11). Plaintif juga telah menghantar kepada defendan semua notis variasi faedah seperti yang perlu di bawah kl. 6 surat tawaran plaintif. (Rujuk Lampiran 29A eks. B).

Mengenai isu penamatan kemudahan margin defendan tersebut saya mendapati peruntukan ss. 4 dan 5 surat tawaran (Rujuk Lampiran 5 ekshibit SNR1) memberi suatu budibicara pada plaintif untuk lanjutkan kemudahan margin itu dan caj pusingan. Mengenai isu cek RM113,000 plaintif telah kemukakan bukti bahawa ianya dibuat oleh Ch'ng Ping Teong untuk mengurangkan hutang defendan dengan plaintif. (Rujuk Lampiran 29A eks. B).

Saya berpendapat sekiranya defendan mendakwa ianya tidak pernah berurusniaga dengan BSKL sepatutnya apabila menerima notis tuntutan dari plaintif defendan hendaklah membuat pertanyaan dan bantahan mengenainya pada plaintif tetapi defendan tidak berbuat demikian. Hanya selepas tindakan ini difailkan defendan membantah dan menafikan penglibatannya dalam urusniaga ini. Penafian defendan terhadap tuntutan plaintif adalah penafian kosong semata-mata. Saya mendapati tiada pembelaan bermerit dikemukakan oleh defendan dan tiada isu-isu yang dipertikaikan yang perlu dibicarakan.